



KOBIMBING

FREQUENTLY ASKED QUESTION

Q : Siapakah yang layak memohon?

A : Kikitangan Bank Islam, Takaful Malaysia & Anak Syarikat Kump. BIMB Holdings yang telah disahkan anggota oleh Anggota Lembaga KOBIMBING (ALK) sahaja.

Q : Berapakah kelayakan untuk memohon?

A : Kelayakan maksima adalah 60x gaji pokok berdasarkan baki kos pembiayaan atau mana yang lebih rendah. Dan juga tertakluk kepada jumlah potongan semasa.

Q : Jika saya ada komitmen luar dengan bank, KOBIMBING ambilkira sekali dalam pengiraan kelayakan?

A : Tidak, hanya yang ada dalam slip gaji sahaja yang diambilkira.

Q : Kalau saya sudah ada pembiayaan peribadi sebelum ini bolehkah saya mohon lagi?

A : Boleh. Syarat tidak melebihi 2 pembiayaan dalam satu masa.

Q : Berapa had maksima yang saya boleh mohon?

A : Had maksima yang ditawarkan adalah RM150,000 bagi pembiayaan peribadi, RM 100,000 bagi pembiayaan kereta baru dan had maksima bagi produk pembiayaan lain adalah sama tetapi bergantung kepada % kelayakan potongan gaji.

Q : Berapa kadar keuntungan yang dikenakan?

A : 5.00% untuk semua jenis pembiayaan yang ditawarkan kecuali Qard, Pembelian Tanah, Cukai Jalan & Emas. 3.75% bagi pembiayaan kereta baru sahaja.

Q : Pembiayaan saya sebelum ini masih belum cukup setahun, bolehkah saya memohon?

A : Perlu tunggu genap 6 bulan baru boleh memohon. Kecuali pembiayaan tersebut akan matang dalam tempoh sebulan lagi, KOBIMBING akan merujuk kepada kelulusan Pengurusan/ALK.

Q : Perlu penjamin?

A : Melebihi RM 50,000 dari jumlah pembiayaan yang dimohon. Namun, KOBIMBING boleh mengenakan syarat penjamin dalam keadaan tertentu bergantung kepada rekod kredit, kewangan atau faktor-faktor lain yang dirasakan perlu.

Q : Siapa layak jadi penjamin?

A : Penjamin terbuka kepada kakitangan Bank Islam & Anak Syarikat BIMB Holdings, pasangan, adik-beradik & ibu bapa pemohon yang bekerja.

Q : Jika suami/isteri saya bekerja sendiri, bolehkah menjadi penjamin?

A : Boleh tetapi perlu lampirkan penyata bank (Tabung Haji, ASB, Bank dll)

Q : Dokumen apa yang diperlukan?

A : Salinan kad pengenalan & slip gaji terkini yang disahkan. Jika ada penjamin, dokumen penjamin adalah sama seperti pemohon.

Q : Ada deposit cagaran?

A : Ada. 3 bulan deposit cagaran akan ditolak dari amaun pembiayaan anda sebelum pengeluaran pembiayaan.

Q : Kelulusan berapa hari?

A : Dokumen dan maklumat lengkap, kelulusan adalah 2 – 3 hari bekerja. Bergantung atas semakan rekod kredit pemohon.

Q : Jika saya ada rekod CTOS, boleh atau tidak saya memohon?

A : Bergantung kepada tahap rekod CTOS seperti berikut:-

- i) Status tindakan undang-undang belum mencapai peringkat penghakiman
- ii) Jumlah tuntutan tidak melebihi RM1,000
- iii) Tindakan sebagai penjamin dan jaminan bukan bagi tujuan perniagaan
- iv) Tindakan undang-undang bukan daripada KOBIMBING
- v) Tidak bankrap

Q : Bolehkah menyelesaikan hutang CTOS saya menggunakan pembiayaan ini?

A : Boleh tetapi tertakluk kepada kelulusan pengurusan ALK.

Q : Bolehkah saya ingin menyelesaikan hutang saya dengan majikan atau institusi lain dari pembiayaan ini?

A : Boleh. Perlu lampirkan penyata penyelesaian baki daripada majikan atau institusi terlibat.